

Untuk Siaran Segera

**Kamkoder Kompak dengan Sudut Lebar 33mm, 78x Zoom Ultra!
*SDR-H85, SDR-T55/T50 & SDR-S50***

Kuala Lumpur, 3 Februari 2010 – Empat model canggih yang dilancarkan baru-baru ini: model SDR-H85, yang boleh merakam pada cakera keras atau pada SDXC, SDHC, atau Kad Memori SD; model SDR-T50 (4 GB)/T55 (8GB), yang boleh menyimpan imej gambar dalam memori sedia-ada atau pada Kad Memori SDXC, SDHC, atau pada SD; begitu juga dengan model SDR-S50, yang menggunakan Kad Memori SDXC, SDHC atau SD sebagai media rakaman.

Kesemua empat model juga bercirikan lensa optikal zoom 70x dengan fungsi Optikal Diperbaharui 78x Zoom yang menggunakan kawasan CCD untuk meningkatkan kuasa zoom pada tetapan sudut lebar. Ini membolehkan pengguna merakam imej lanskap yang menarik dan merakam imej yang jauh dengan efek rakaman jarak dekat yang dinamik. Mod Aktif terbaru juga telah dimasukkan sebagai fungsi baru dalam fungsi original pengurangan getaran tangan Panasonic, *Advanced O.I.S* (Penstabil Imej Optik). Fungsi ini mengurangkan getaran tangan yang kerap berlaku apabila menggunakan zoom dan sebahagian besar efek getaran tangan berlaku semasa merakam sambil berjalan. Imej akan menjadi terang dan cantik setelah menggunakan fungsi ini dalam beberapa keadaan rakaman.

Fungsi terbaru Pengesanan AF/AE (Fokus Auto/ Pendedahan Auto) juga telah dimasukkan kedalam fungsi iA (Auto Pintar), memudahkan sesiapa sahaja untuk merakam gambar yang menarik. Pengguna hanya perlu mensasarkan pada sesuatu subjek pada bahagian tengah skrin dengan menekan butang AF/AE. Secara automatik, fungsi pengesanan baru ini akan mengekori subjek walaupun ia bergerak atau berpusing pada satu arah. Ini memastikan subjek akan sentiasa dirakam dalam tetapan optimal AF/AE.

Fungsi terbaru Penghalang Bunyi Angin yang telah diperbaharui dari fungsi Penghalang Angin Panasonic sebelum ini boleh mengesan dan mengurangkan bunyi angin secara automatik untuk mengekalkan bunyi semulajadi dengan efek suasana sebenar.

Kamkoder HDD

(SDR-H85 : hitam/ merah/ perak/ biru)

Model SDR-H85 merakam sebahagian besar data imej filem pada cakera keras dan SDXC, SDHC, atau Kad Memori SD. Cakera keras 80-GB sedia ada boleh menyimpan data sebanyak 74 jam dan 30 minit (dalam mod LP), manakala Kad Memori SDXC 64-GB (dijual berasingan) boleh menyimpan data sebanyak 60 jam dan 30 minit (dalam mod LP). Ini menjadikan model H85 ideal untuk merakam acara yang berlangsung dalam jangka masa yang lama. H85 juga menjaga data secara menyeluruh dengan penggunaan SDXC/SDHC/ Kad Memori SD yang dipercayai kerana tidak menggunakan mekanisma cakera dan Anti-Kejut. Ini dapat menjaga cakera keras sedia ada dari impak luaran. SDR-H85 memudahkan proses salinan rakaman dari kad memori atau cakera keras ke cakera DVD. Cara yang mudah dengan menyambungkan kamkoder ke alat penyalin DVD (pilihan) tanpa menggunakan komputer. Cakera DVD yang telah disalin boleh dimainkan pada alat pemain DVD dengan mudah

* Klip video dirakam dalam Mod Rakaman Panjang (LXP/LSP/LLP) akan ditukar kepada format MPEG-2 apabila telah disalin pada cakera DVD menggunakan Alat Salinan DVD Panasonic VW-BN2

● Kemasukkan Kad Memori SDXC/SDHC/ SD bergantung pada pasaran.

Kamkoder Memori Berkembar

(SDR-T55 : hitam)

(SDR-T50 : hitam/ emas/ biru)

Model Kamkoder dengan Memori Berkembar SDR-T55/SDR-T50 merakam imej pada memori sedia ada atau pada Kad Memori SDXC, SDHC atau SD (pilihan). Memori 8-GB/4-GB yang sedia ada boleh merakam imek filem (dalam mod LP) sehingga 7 jam/3 jam dan 20 minit. Penggunaan Kad Memori SDXC 64-GB akan menambahkan penyimpanan data sehingga 60 jam dan 30 minit untuk filem (dalam mod LP). Kamkoder Memori Berkembar ini juga lengkap dengan fungsi rakaman berterusan yang menukar media rakaman secara automatik ke Kad Memori SD/ SDXC/SDHC apabila memori sedia ada telah penuh untuk memastikan tiada gangguan ketika rakaman.

Sebagai contoh, apabila model T55 dengan memori sedia ada sebanyak 8 GB digabungkan dengan Kad Memori SDXC 64-GB, kapasiti gabungan akan menjadi sebanyak 72 GB . Ini membolehkan rakaman berterusan selama 67 jam dan 30 minit dalam mod LP, atau 135 jam dalam mod LLP. Model SDR-T55/SDR-T50 adalah lebih kecil berbanding kamkoder HDD, memudahkan pengguna apabila mengembara atau bercuti kerana tidak memerlukan ruang yang besar untuk meletakkan kamkoder model ini dan tahan dari kesan impak.

- Kemasukkan Kad Memori SDXC/SDHC/ SD bergantung pada pasaran.

Kamkoder Kad SD

(SDR-S50 : hitam/ merah jambu/ putih/ merah/ emas)

Menggunakan Kad Memori SDXC, SDHC atau SD sebagai media rakaman, model kompak SDR-S50 sangat ideal untuk kegunaan harian. Ketahanan model ini terhadap kesan impak luaran menjadikan model ini serba guna dan mudah digunakan pada bila-bila masa. Klip

video yang dirakam pada Kad Memori SDXC/SDHC/SD boleh digunakan dengan fungsi pemain imej VIERA supaya rakaman imej video boleh dimainkan dengan memasukkan kad pada kad slot TV VIERA* Panasonic untuk tontonan dinamik.

* Model yang boleh memainkan MPEG-2 dengan kad slot Kad Memori SDXC/SDHC/SD. Format JPEG imej gambar boleh dimainkan dengan model yang mempunyai kad slot.

Kemasukkan Kad Memori SDXC/SDHC/SD bergantung pada pasaran.

Penerangan Ciri-ciri

Zoom Optik 78x Diperbaharui dan Penstabil Imej Optik (Advanced O.I.S) dengan Mod Aktif (Terbaru)

Kamkoder kompak ini mempunyai lensa 70x zoom optikal yang berkualiti tinggi dengan fungsi 78x zoom Optik Diperbaharui yang menggunakan kawasan CCD secara efektif untuk meningkatkan kuasa zoom pada tetapan sudut lebar. Ini membolehkan pengguna merakam imej lanskap yang menarik dan merakam imej yang jauh dengan efek rakaman jarak dekat yang dinamik. Selain itu, kesan getaran tangan juga akan lebih ketara dengan penggunaan zoom yang lebih tinggi. Fungsi penstabil imej optikal boleh mengurangkan kesan getaran tangan dan membolehkan rakaman zoom yang lebih terang dan cantik. Fungsi ini adalah Penstabil Imej Optik (*Advanced O.I.S*). Ia akan mengesan dan membetulkan kesan getaran tangan pada rakaman sebanyak 4,000 kali setiap saat untuk memastikan imej yang stabil ketika zoom. Tambah lagi, Mod Aktif menghasilkan imej terang dan tidak kabur walaupun merakam ketika berjalan.

Sudut Lebar 33mm* [Terbaru]

Tetapan sudut lebar 33mm* amat berguna apabila merakam video dalam kawasan tertutup atau di ruang sempit. Ia membolehkan rakaman jarak dekat dari subjek disamping memuatkan kedua-dua subjek dan kawasan sekeliling dalam bingkai kamkoder. Fungsi ini juga membolehkan rakaman suara subjek dirakam dengan jelas, yang merupakan elemen penting dalam rakaman video. Tetapan sudut lebar terbaru boleh merakam imej menarik

seperti lanskap luas dan sesebuah kumpulan untuk dimuatkan dalam bingkai, menjadikan kamkoder ini serba boleh untuk digunakan pada setiap situasi.

* bersamaan dengan lensa 35mm

iA (Auto Pintar) dengan Pengesanan AF/AE [Terbaru]

Fungsi iA yang akan memilih mod rakaman secara automatik telah diperbaharui dan mempunyai ciri Pengesanan AF/AE yang dapat mengesan subjek bergerak untuk memastikan kualiti rakaman imej optimal. Mod Auto normal akan menetapkan focus dan pendedahan cahaya pada sebuah subjek di tengah skrin. Pengguna hanya perlu sasar pada suatu subjek di tengah skrin dengan menekan butang AF/AE. Secara automatik, fungsi pengesanan baru ini akan mengekori subjek walaupun ia bergerak atau berpusing pada satu arah. Ini memastikan subjek akan sentiasa dirakam dalam tetapan optimal AF/AE. Fungsi Kawalan Kontras Pintar, secara automatik akan menetap kecerahan untuk mengekalkan kontras paling sesuai, juga telah dimasukkan antara salah satu dari lima fungsi baru dari model sebelum ini, termasuk Pengenal Pasti Wajah, Penstabil Imej Optik (O.I.S) dan Pilihan Suasana Pintar. Setiap fungsi dapat digunakan dengan hanya menekan butang iA dan rakam imej menarik dalam apa jua keadaan rakaman.

- Fungsi-fungsi yang terdapat dalam iA tidak semua digunakan apabila keadaan tidak memerlukan fungsi tersebut

Penghalang Bunyi Angin [Terbaru]

Penghalang Bunyi Angin yang telah diperbaharui dari fungsi Penghalang Angin Panasonic sebelum ini boleh mengesan dan mengurangkan bunyi angin secara automatik untuk mengekalkan bunyi semulajadi dengan efek suasana sebenar.

Peluang Rakaman Gambar Secara Spontan menggunakan *Power-On Pantas 1.9-saat [Terbaru]**

Kamkoder akan dipasang atau dipadam apabila LCD dibuka atau ditutup. Ini membolehkan rakaman untuk bermula hanya 1.9 saat dari masa LCD dibuka. Kepantasan kamkoder untuk merakam setelah dipasang membolehkan pengguna merakam saat-saat spontan dan peluang rakaman istimewa disamping menyimpan

tenaga dengan hanya menutup LCD apabila tidak merakam. Mod *Quick Start*** membolehkan kamkoder dalam keadaan sedia (ON) apabila LCD terbuka atau tertutup. Apabila mod *Quick Start* digunakan bersama 1.9 saat *Power-On* pantas, kamkoder boleh mula merakam dalam masa 0.8 saat dari masa LCD dibuka.

Ini berguna jika rakaman dibuat secara bersela. Selain itu, mod *Eco*** terbaru akan menutup kamkoder secara automatic jika kamkoder tidak digunakan selama lima minit, sekaligus menjimatkan penggunaan tenaga dan tenaga bateri.

*Apabila LCD dibuka dengan penutup lensa dialihkan dari lensa, bergantung pada keadaan rakaman, masa persediaan rakaman boleh melebihi 1.9 saat dalam mod rakaman imej gambar

** Rakaman pada Kad Memori SDXC/SDHC/SD atau memori sedia ada sahaja. Mod ini hanya boleh dipilih dari menu.

*** Tetapkan pad ON apabila dihantar dari kilang.

Mod Rakaman Jangka Lama (H.264/AVC) [Terbaru]

Di samping rakaman format MPEG-2 (mod XP/SP/LP), model-model terbaru ini menggunakan format H.264/AVC (mod LXP/LSP/LLP) dengan nisbah pemampatan yang tinggi. Format H.264/AVC merakam imej filem (mod LLP)* sehingga 106 jam dan 40 minit, iaitu dua kali ganda dari format MPEG-2, sambil mengekalkan kualiti imej yang tinggi seperti MPEG-2. Pengguna tidak perlu risau akan kekurangan memori untuk rakaman walaupun menggunakan kapasiti kecil Kad Memori SD. Format H.264/AVC juga sesuai digunakan dengan komputer yang membolehkan klip video dimainkan dan disimpan dalam komputer atau masukkan ke dalam laman web seperti YouTube. Klip video juga boleh dipindahkan ke komputer Mac Apple dengan menggunakan aplikasi iMovie. Dengan menggunakan perisian *VideoCam Suite* yang telah disediakan dengan kamkoder dan alat salinan cakera DVD(pilihan), klip video boleh ditukar ke format MPEG-2 dan disalin/disimpan pada cakera DVD

* Apabila Kad Memori SD 64-GB digunakan

Muat Naik Mudah YouTube

Fungsi berguna ini mudah dan pantas untuk pengguna yang ingin muat naik klip video ke laman web YouTube dan berkongsi video dengan semua orang seluruh dunia. Hanya menggunakan perisian *VideoCam Suite* yang telah dimasukkan dengan kamkoder, sambungkan pada sebuah computer dengan USB. Perisian tersebut akan mula dan pengguna hanya perlu mengikut beberapa prosedur untuk muat naik klip video ke YouTube*. Prosedurnya sangat mudah dan buat pertama kali bagi sesiapa yang ingin muat naik klip video, dapat melakukannya dengan mudah.

* Klip video perlu dirakam dalam mod Web untuk klip tersebut dimuat naik ke YouTube

- YouTube dan logo YouTube logo adalah hak cipta YouTube LLC.

Salinan Mudah Video ke cakera DVD

Ramai orang yang menggunakan kamkoder mereka untuk tiga perkara: merakam, mencuba dan menyimpan rakaman video. Mereka juga mahu setiap perkara ini mudah dilakukan. Kamkoder ini dimuatkan dengan beberapa fungsi yang direka khas. Sebelum ini, salinan rakaman video dari Kad Memori SDXC/SDHC/SD atau pada cakera keras, cakera DVD, merupakan proses dua langkah yang memerlukan penghantaran data ke komputer dan dari komputer disalin pada cakera DVD. Fungsi ini membolehkan imej disimpan dan disalin pada cakera DVD dengan mudah. Dengan menyambung kamkoder ke alat salinan cakera DVD VW-BN2 Panasonic menggunakan kabel USB, rakaman video dapat disalin dengan mudah pada cakera DVD 12-cm (DVD-RAM/DVD-R/DVD-R DL/DVD-RW, +R/+R DL/+RW). Cakera DVD boleh dimainkan dengan pemain DVD, menjadikan ulang tayang mudah.

* Apabila klip video yang dirakam dalam Mod Rakaman Jangka Panjang Video clips recorded in Long Recording Mode (mod LXP/LSP/LLP) akan ditukar kepada format MPEG-2 apabila video telah disalin pada cakera DVD menggunakan Alat Penyalin cakera DVD VW-BN2.

Edit menggunakan Komputer

Setiap kamkoder didatangkan dengan “VideoCamSuite 3.0” perisian untuk mengedit (untuk Windows OS). VideoCamSuite 3.0 mempunyai “Smart Wizard” yang bermula sebaik sahaja kamkoder dimasukkan ke bahagian USB pada komputer. Dengan mudah mengikut arahan pada skrin, walaupun sesiapa yang tidak pernah menggunakan perisian dengan mudah boleh membuat salinan klip video pada komputer atau cakera DVD tanpa gangguan semasa proses. Ia juga membolehkan muat-naik klip video dengan mudah ke dalam YouTube tanpa memerlukan sebarang proses yang sukar, dengan itu pengguna yang tidak berpengalaman boleh menghantar klip video ke dalam *web*. Tambahan lagi, perisian ini bersesuaian dengan Mod Rakaman Panjang (*Long Recording mode*) untuk merekod samada ke dalam komputer atau cakera DVD.

*Apabila klip video yang dirakam dalam Mod Rakaman Jangka Panjang Video clips recorded in Long Recording Mode (mod LXP/LSP'/LLP) akan ditukar kepada format MPEG-2 apabila video telah disalin pada cakera DVD menggunakan Alat Penyalin cakera DVD VW-BN2.

* DVD-RAM/ DVD-R/DVD-RW

*Video format AVC/H2.64 akan bertukar ke format MPEG2 apabila disalin.

* YouTube dan logo YouTube adalah hakcipta terpelihara YouTube LLC

Spesifikasi

Harga Sebenar Jualan:

SDR-H85 RM1,499.00 (hitam, perak, merah, biru)

SDR-T55 RM1,399.00 (hitam,)

SDR-T50 RM1,299.00 (hitam, biru, emas)

SDR-S50 RM1,399.00 (hitam, emas, merah, merah jambu, putih)

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan

Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Siaw Yee Yen
Eksekutif Produk (Kamkoder)
Imej Digital Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7690 Fax: 03-7955 2848 Mobil : 012-385 3808
Emel: yeeyen.siaw@my.panasonic.com

###